

06/11/1997

IMT-GT sepakat guna mata wang tuan rumah

kri

MAJLIS Perniagaan Segitiga Pertumbuhan Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMT-GT) pada dasarnya setuju menetapkan bayaran pendaftaran peserta dalam mata wang negara tuan rumah pada mesyuarat akan datang.

Langkah memanfaatkan mata wang setiap negara anggota IMT-GT itu iaitu Indonesia, Malaysia dan Thailand berbanding dolar Amerika selama ini tepat sekali dalam menghadapi krisis kewangan rantau ini sekarang.

Pengerusi Bersama IMT-GT Malaysia, Datuk Mohd Hamdan Hazizi, yang juga Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Perak berkata perkara itu dibincangkan dalam perbincangan sebelum mesyuarat petang semalam.

"Penggunaan mata wang negara tuan rumah sebagai langkah kerjasama serantau untuk mewujudkan rangkaian kerja lebih baik di kalangan negara IMT-GT," katanya berucap pada perasmian Mesyuarat Majlis Perniagaan IMT-GT keenam di sebuah hotel di sini, malam semalam.

Perasmian mesyuarat itu serentak majlis makan malam disempurnakan Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib. Hadir sama Puan Sri Raja Noora Ashikin Raja Abdullah; Timbalan Presiden DPMM, Datuk Dr Adam Harun; Ketua Delegasi Majlis Perniagaan IMT-GT Malaysia, Datuk Abdul Rahman Maidin; ketua delegasi Indonesia, Kesumo AM dan ketua delegasi Thailand, Borwon Soonthorncharoennont.

Mohd Hamdan berkata masyarakat perniagaan di rantau ini perlu merebut peluang perniagaan untuk pertumbuhan jangka panjang di samping mengukuhkan rangkaian kerja dan kekuatan masing-masing.

Katanya, DPMM Perak menyokong penuh segala usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mengatasi krisis kejatuhan nilai ringgit yang turut membabitkan sektor swasta.

Abdul Rahman pula berkata pembabitan peserta dari luar rantau ini termasuk Jepun dan Eropah semakin menjadikan mesyuarat majlis perniagaan IMT-GT sebagai persidangan antarabangsa di samping mendapat sokongan padu masyarakat peniaga di rantau ini.

Menurutnya, setakat ini daripada 69 memorandum persefahaman bersama (MoU), 21 digugurkan, 17 dilaksanakan dan beroperasi membabitkan pelaburan RM200 bilion manakala 30 lagi dengan nilai RM17.8 bilion dalam proses dilaksanakan.

Sementara itu, Kesumo berkata mesyuarat kali ini sesuai pada masanya untuk membincangkan isu kewangan yang melanda rantau ini terutama ancaman spekulator mata wang.

Soonthorncharoennont pula berkata Thailand menawarkan diri menjadi tuan rumah mesyuarat majlis perniagaan IMT-GT ketujuh di Yala tahun depan serta menghargai usaha Malaysia menganjurkan ekspo IMT-GT yang pertama kali ini.

(END)